



Rujukan :KUPSIS.700-6/1/( )  
 Tarikh : 5.12.2023

**Kepada:**  
**YBhg.Dato/Datin/Tuan/Puan**  
**Ibu bapa/ Penjaga Murid**  
**SM Sains Kubang Pasu**

Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN MURID PULANG BERMALAM SEMPENA CUTI PENGGAL 3 SESI 2023/2024**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2 Adalah dimaklumkan bahawa cuti penggal 3 sesi 2023/2024 akan bermula pada 15.12.2023 hingga 1.01.2024 . Sehubungan dengan itu, semua murid dibenarkan pulang bermalam pada 14.12.2023 (Khamis) dan kembali ke asrama pada 1.01.2024 (Isnin) .

3. Sila pastikan murid mengikut waktu pulang bermalam dan kembali semula ke asrama mengikut ketetapan masa berikut:

PULANG BERMALAM			KEMBALI KE ASRAMA			PAKAIAN
Tarikh	Tingkatan	Masa	Tarikh	Tingkatan	Masa	
<b>14.12.2023</b> <b>(Khamis)</b>	Tingkatan 1	2.30 ptg-3.00 ptg	<b>1.01.2024</b> <b>(Isnin)</b>	Tingkatan 1	2.30 ptg-3.00 ptg	Pakaian rasmi outing
	Tingkatan 2	3.00 ptg-3.30 ptg		Tingkatan 2	3.00 ptg-3.30 ptg	
	Tingkatan 3	3.30 ptg-4.00 ptg		Tingkatan 3	3.30 ptg-4.00 ptg	
	Tingkatan 4	4.00 ptg-4.30 ptg		Tingkatan 4	4.00 ptg-4.30 ptg	
<b>16.12.2023</b> <b>(Sabtu)</b>	Tingkatan 5	12.00 Tengahari (Selepas Tamat Program Kelas Tambahan)	<b>2.01.2024</b> <b>(Selasa)</b>	Tingkatan 5	7.30 pagi (Majlis Bacaan Yassin Tingkatan 5)	Pakaian Sekolah

Nota:

- Kenderaan ibubapa/penjaga **dibenarkan masuk ke kawasan sekolah/asrama semasa proses mengambil dan menghantar anak/anak jagaan. Walau bagaimanapun, pihak sekolah berharap tuan/puan mengambil sikap berhati-hati dalam pemanduan memandangkan murid-murid masih berada dalam kawasan sekolah.**
  - Ibubapa/penjaga yang mempunyai anak di dua tingkatan berbeza boleh memilih salah satu masa yang ditetapkan.
  - Murid diingatkan supaya mematuhi prosedur keluar masuk sekolah yang ditetapkan dan membawa masuk barangan /peralatan yang tidak dibenarkan adalah satu kesalahan disiplin seperti telefon bimbit.
  - Pihak sekolah memohon bantuan ibubapa/waris untuk memastikan semua murid menjalani ujian sendiri COVID-19 sebelum mereka dibenarkan untuk kembali semula ke asrama pada 1.01. 2024 (Isnin).
  - Murid yang negatif dan tiada tanda-tanda COVID-19 seperti demam, deria rasa/hidu tidak berfungsi** dan lain-lain sahaja dibenarkan kembali ke asrama
  - Waris ibubapa/penjaga perlu membekalkan pelitup muka berwarna putih atau hitam tanpa corak dan saliva test kepada anak tuan/puan.
  - Waris boleh membuka akaun BSN atau Bank Islam untuk murid bagi proses pengkreditan **Bantuan Awal Persekolahan** bagi sesi 2024/2025 bagi mengelakkan kehilangan wang sekiranya diberikan secara tunai.
4. Ibu bapa/penjaga diharap dapat membuat perancangan perjalanan dengan sebaiknya bagi memastikan pergerakan murid pulang bermalam dan kembali ke asrama dapat berjalan dengan lancar dan selamat.
5. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh hubungi Pn. Siti Aishah Binti Ahmad( Penolong Kanan HEM ) ditalian 012-4169478 , Encik Ahmad Pauzi bin Awang (Ketua Warden Asrama ) di talian 011-35732947 atau mana-mana warden asrama.

Kerjasama Ybhg.Dato/Datin /Ybns.Dr/tuan/puan berhubung dengan perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**FATHIYAH BINTI MOHD POZI @ MOHD FAUZI**  
 Pengetua,  
 Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu.